



PATRICIA MATANJUN (kanan) memperkatakan sesuatu tentang produk tempe kepada seorang pengunjung dalam British Invention Show 2015 yang berlangsung di London, baru-baru ini. - GAMBAR IHSAN UMS

Inovasi tempe UMS cemerlang dalam BIS 2015 di London

UM 28.10.2015 22

KOTA KINABALU 27 Okt. - Para penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) menunjukkan pencapaian membanggakan menerusi penyertaan di dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa di *British Invention Show (BIS) 2015*.

Diadakan selama empat hari iaitu bermula 21 hingga 24 Oktober lalu di Barbican Exhibition Center, London, UMS meraih dua anugerah khas platinum, empat anugerah emas, dua perak dan satu gangsa.

Pertandingan inovasi di BIS 2015 merupakan penyertaan pertama bagi delegasi UMS yang diketuai oleh Dr. Mohamad Nizam Nazarudin dari Fakulti Pendidikan dan Psikologi bersama tujuh penyelidik lain.

Menurut kenyataan UMS, Anugerah Khas Platinum (Anugerah Rekaan Antarabangsa Tahunan - Kategori Industri) diraih Prof. Madya Dr. Patricia Matanjun dari

Fakulti Sains Makanan dan Pernakan.

Beliau mempertaruhkan inovasi *A-Tempeh : A Canned Sambal Tempeh with Anchovies* iaitu produk makanan tempe yang ditinkan dengan campuran utama rumpai laut segar (*kappaphycus alvarezii*).

Produk tersebut mendapat kerjasama Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd., sebuah syarikat makanan tempatan.

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Chua Tock Hing dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Ir. Dr. Muralindran Mariappan (Fakulti Kejuruteraan) meraih Anugerah Khas Platinum (Anugerah Rekaan Antarabangsa Tahunan - Kategori Kepenggunaan).

Mereka menampilkan inovasi bertajuk *Smart Z : A Novel System For Trapping Mosquitoes* bagi mengawal populasi nyamuk aedes betina, sekali gus mengurangkan

penyebaran wabak denggi.

Kedua-dua inovasi berkenaan turut meraih anugerah emas.

"Anugerah emas lain dime-nangi penyelidik dari Fakulti Pendidikan dan Psikologi iaitu Prof. Madya Dr. Sabariah Shahrif dengan inovasi bertajuk *Neuro-Linguistic Programming Techniques : An Approach To Enhance Motivation Among High-Risk Students*.

"Mohamad Nizam (ketua delegasi) turut memperoleh emas dengan inovasi beliau iaitu *Developing Training Aids Using Mastery Learning in Supporting IRB Get Into Rugby Programme For Beginners*," jelas kenyataan tersebut di sini hari ini.

Kenyataan itu menambah, kejayaan berkenaan diharap menjadi pemangkin dan pendorong kepada penyelidik lain bagi meraih pencapaian yang lebih cemerlang di peringkat antarabangsa.



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
SEMESTER II SESI 2015/2016

KEMASUKAN KE
PROGRAM
PENGAJIAN
SISWA ZAH